



**MEMO ANTARA BAHAGIAN
BAHAGIAN PENGURUSAN
HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU**

No.telefon : 07-2257000 sam. 2907/2925/2921/2943

No.Faks : 07-2257119

Ruj.Fail	HSAJB/98J/3.2/KEW/400-148 (5)	Tarikh	25 APRIL 2017
Kepada	SEMUA KETUA JABATAN / UNIT / WAD	Salinan kepada : <ul style="list-style-type: none">• TPH (Pengurusan)• TPH (Pembedahan)• TPH (Perubatan)• Akauntan	
Daripada	PENGARAH HOSPITAL		
Perkara	GARIS PANDUAN TUNTUTAN BAYARAN INSENTIF PEMBEDAHAN ELEKTIF PADA HARI SABTU (BIPEHS) BAGI PEGAWAI PERUBATAN DAN PAKAR PERUBATAN		

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Bahagian Pengurusan telah menetapkan garis panduan tuntutan Bayaran Insentif Pembedahan Elektif Pada Hari Sabtu (BIPEHS) bagi Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan seperti di lampiran.

3. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk memanjangkan perkara ini kepada kakitangan di bawah seliaan masing-masing bagi memastikan garis panduan yang ditetapkan dipatuhi berkuatkuasa serta-merta pada tarikh surat ini dikeluarkan. Edaran garis panduan ini boleh dimuat turun dari laman sesawang HSAJB.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, boleh menghubungi Puan Izzatul Fardiah Binti Othman (samb. 2907), En Naharudin bin Saadan (samb. 2925), Puan Jamilah Binti Jalil (samb. 2921) dan Puan Hamiza Binti Mohd Salleh (samb. 2943).

5. Kerjasama dan tindakan daripada YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PENYAYANG, BEKERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISMA ADALAH BUDAYA KERJA KITA"

Saya yang menurut perintah,


(DR. AMAN BIN RABU)



GARIS PANDUAN TUNTUTAN BAYARAN INSENTIF PEMBEDAHAN ELEKTIF PADA HARI SABTU (BIPEHS) BAGI PEGAWAI PERUBATAN DAN PAKAR PERUBATAN

1.0 PENGESAHAN MENJALANKAN TUGAS

- 1.1 Pegawai yang bertugas adalah **WAJIB** mengetik kad perakam waktu sebelum dan selepas menjalankan tugas.
- 1.2 Sekiranya berlaku kerosakan pada mesin perakam waktu, pengesahan dan tandatangan Ketua Jabatan perlu diperolehi.
- 1.3 Bagi kad perakam waktu yang tidak lengkap / tidak jelas 'in' dan 'out' / dipinda dan tidak disertakan surat penjelasan yang disokong oleh Ketua Jabatan, bayaran hanya akan dibuat berdasarkan masa bertugas sebenar.
- 1.4 Sila pastikan nama pegawai yang menuntut terdapat dalam Jadual Pembedahan pada hari tuntutan. Sebarang perubahan pada Jadual Pembedahan perlu dipinda dari awal dan disahkan oleh Ketua Jabatan sebelum tuntutan dikemukakan. Sekiranya nama pegawai yang menuntut tiada pada Jadual Pembedahan, tuntutan pada hari tersebut akan **DITOLAK**.
- 1.5 Setiap salinan dokumen sokongan perlu dicop **SALINAN DIAKUI SAH** oleh Ketua Jabatan atau pegawai kanan yang berkelayakan.

2.0 KADAR BAYARAN

Kadar bayaran insentif adalah RM80.00 sejam bagi Pegawai Perubatan dan RM200.00 sejam bagi Pakar Bedah dan Pakar Anestesiologi.

3.0 TATACARA PEMBAYARAN

- 3.1 Tempoh bayaran BIPEHS hendaklah **genap** iaitu 0.15 minit, 0.30 minit dan 0.45 minit.
- 3.2 Pembayaran akan dibuat berdasarkan waktu bertugas pegawai seperti di kad perakam waktu tetapi tertakluk kepada waktu pembedahan elektif daripada jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang pada hari Sabtu. Kadar maksima adalah 5 jam dan tidak bergantung kepada waktu pembedahan selesai.

Contoh situasi 1 :

Pegawai menuntut : Pakar Anestesiologi
Tarikh bertugas : 22 April 2017 (Sabtu)
Waktu di Jadual Pembedahan : 8.00 pagi – 1.00 petang
Waktu bertugas di kad perakam waktu : 7.40 pagi – 2.00 petang

Contoh pengiraan 1 :

Jumlah jam bertugas diambilkira = 8.00 pagi – 1.00 petang (5 jam)
Jumlah bayaran BIPEHS = 5 jam x RM200.00 sejam
= RM1,000.00

Contoh situasi 2 :

Pegawai menuntut : Pakar Anestesiologi
Tarikh bertugas : 22 April 2017 (Sabtu)
Waktu di Jadual Pembedahan : 8.30 pagi – 1.30 petang
Waktu bertugas di kad perakam waktu : 8.03 pagi – 1.41 petang

Contoh pengiraan 2 :

Jumlah jam bertugas diambilkira = 8.15 pagi – 1.00 petang (4.75 jam)
Jumlah bayaran BIPEHS = 4.75 jam x RM200.00 sejam
= RM950.00

- 3.3 Pegawai tidak boleh menuntut kedua-dua bayaran BIPEHS dan Elaun Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa (EKLWBB) bagi tarikh bertugas yang sama.
- 3.4 Borang tuntutan yang tidak lengkap **TIDAK AKAN DIKUIRI** dan Unit Kewangan akan memproses tuntutan berdasarkan bukti kehadiran dan dokumen sokongan yang ada.
- 3.5 Sekiranya berlaku teguran audit / lebihan bayaran ke atas tuntutan yang telah dibayar, pegawai perlu membuat bayaran balik bagi tuntutan yang tidak layak diterima / ianya akan **DITOLAK** dari tuntutan semasa.
- 3.6 Pembayaran BIPEHS adalah menggunakan Modul Pendapatan Bercukai dalam sistem eSPKB.
- 3.7 Format borang tuntutan boleh dimuat turun melalui laman sesawang HSAJB (rujuk Borang Kewangan).
- 3.8 Semua tuntutan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Unit Kewangan sebelum atau pada 7 haribulan dalam bulan berikutnya dan hanya satu tuntutan boleh dibuat bagi satu-satu bulan. Dengan ini diingatkan bahawa tuntutan yang dikemukakan melangkaui bulan tidak akan diproses.
- 3.9 Sebarang **RAYUAN** yang dikemukakan selepas tuntutan dibayar adalah **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

4.0 RUJUKAN

Surat Edaran Bahagian Akaun Bil. 3 Tahun 2014, Garis Panduan Tuntutan Bayaran Insentif Pembedahan Elektif Pada Hari Sabtu (BIPEHS) Bagi Pegawai Perubatan Dan Pakar Perubatan (KKM.BA/SPW/100/1-2014 (03) bertarikh 11 Mac 2014).

5.0 TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini adalah berkuatkuasa serta-merta pada tarikh surat ini dikeluarkan.

'PENYAYANG, KERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISMA ADALAH BUDAYA KERJA KITA'


(DR. AMAN BIN RABU)
Pengarah Hospital
Hospital Sultanah Aminah
Johor Bahru

Tarikh : 25 APRIL 2017